

# MT dijangka b i n c a n g pembubaran jawatankuasa bahagian esok

BA 50/7/03

KUALA LUMPUR Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno esok dijangka membincangkan cadangan membubarkan semua 165 jawatankuasa bahagian Umno dan penubuhan jawatankuasa penaja termasuk di 25 bahagian baru berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan mesyuarat itu, akan meminta pandangan ahli MT sama ada jawatankuasa penaja hanya diperlukan untuk 25 bahagian baru atau membatik semua bahagian sedia ada.

Sumber memberitahu *Berita Harian*, soal sama ada untuk membubarkan semua 165 jawatankuasa bahagian Umno dan pengurusannya diambil alih jawatankuasa penaja sehingga pemilihan parti tahun depan, dijangka hangat dibincangkan.

“Yang pasti, 25 bahagian baru akan diwujudkan jawatankuasa penaja. Bagi bahagian sedia ada pula, ia bergantung kepada keputusan MT sama ada hanyamembubarkan bahagian yang hanya terbabit dengan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

“Ini kerana di sesetengah negeri walaupun tiada pertambahan kerusi Parlimen baru, ada berlaku perubahan sempadan menyebabkan sesetengah cawangan berpindah ke bahagian lain,” katanya.

Mesyuarat jawatankuasa pengurusan Umno hari ini yang akan dipengerusikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dijangka merangka satu formula terbaik menangani isu itu, untuk dibawa ke mesyuarat MT esok.